

**BERITA ONLINE  
ASTRO AWANI  
TARIKH : 09 NOVEMBER 2021 (SELASA)**



**Parlimen: Pelan tindakan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen sedang dirangka - Dr Adham**

Astro Awani

November 9, 2021 12:48 MYT



*Dr. Adham Baba berkata kementerian melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan melantik syarikat NanoMalaysia Berhad sebagai rakan strategik bagi merangka pelan berkenaan. - Gambar fail/BERNAMA*

**KUALA LUMPUR:** Satu pelan tindakan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen sedang dirangka dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama industri hidrogen sama ada di rantau Asia Tenggara mahupun dunia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata kementeriannya melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan melantik syarikat NanoMalaysia Berhad sebagai rakan strategik bagi merangka pelan berkenaan.

Beliau memberitahu, penyediaan ini dijalankan secara kolaborasi dengan Akademi Sains Malaysia, NanoVerify Sdn Bhd dan Malaysian Green Technology.

"Pelan ini akan jadi panduan bagi membangunkan teknologi dan ekonomi hidrogen hingga 2050," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Hasan Arifin (UMNO-Rompin) mengenai jumlah eksport tenaga hidrogen ke luar negara bagi 2020 hingga Jun 2021 dan langkah diambil kerajaan bagi perkukuh dan mengkomersialkan industri berkenaan di dalam negara di Dewan Rakyat, di sini, pada Selasa.

Mengulas lanjut, Adham memaklumkan, ekonomi hidrogen merupakan sektor tenaga alternatif yang akan diberi tumpuan dalam komitmen kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara neutral karbon seawal 2050.

Katanya, nilai eksport tenaga boleh diperbaharui pada masa ini ia masih kecil, bagaimanapun menurutnya ia mempunyai prospek positif dari segi pertumbuhan ekonomi jika pelaksanaan inisiatif hijau dapat diperluas dengan cepat.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, beliau berkata, eksport hidrogen menyumbang sebanyak 1.5 peratus berbanding eksport lain-lain gas yang dianggar sekitar RM1.2 bilion.

Menurutnya, di Malaysia, Petronas dan Sarawak Energy Berhad telah terajui pengeksportan sumber berkenaan.